

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	11 APRIL 2016

# Dr M hadir majlis bersama Guan Eng

BH- 11/4/2016

**Georgetown:** Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad menghadiri Majlis Anugerah Persatuan Usahawan Maju Malaysia bersama Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng, di sini, malam kelmarin.

## Duduk semeja

Pada majlis itu, Dr Mahathir bersama isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali duduk bersama Guan Eng di meja utama beberapa bersama tokoh pernia-

gaan lain.

Dr Mahathir dan Guan Eng turut dilihat beramah mesra dan ketawa kecil sebelum bersama-sama mengambil gambar bersama penerima anugerah sebaik majlis selesai.

Sebelum ini bekas PM itu juga menjalin hubungan baik dengan Lim Kit Siang dan beberapa pemimpin pembangkang lain demi menjayakan cita-cita politik beliau untuk menjatuhkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.



**Guan Eng bersama Dr Mahathir** pada Majlis Anugerah Persatuan Usahawan Maju Malaysia di Pusat Konvensyen Straits Quay, Pulau Pinang, malam kelmarin.